



[Terakhir dikemas kini: 22/02/2023]

Notis Privasi

**If there is any inconsistency or difference in the interpretation between this language version and the English language version of this Privacy Notice, the English language version shall prevail.*

Terakhir dikemas kini: [22/02/2023]

Ini merupakan Notis Privasi Infobip Limited dan anak syarikat serta sekutunya. Di Infobip kami bermatlamat untuk melaksanakan privasi dengan cara yang betul – di mana-mana sahaja kami beroperasi. Kami percaya bahawa penggunaan data peribadi yang bertanggungjawab menyokong pertumbuhan perniagaan dan menjalinkan hubungan yang kukuh antara rakan kongsi, pengguna dan jenama. Sebagai sebuah perniagaan, kami komited untuk menghormati dan melindungi privasi semua individu yang berinteraksi dengan kami.

Bersikap telus terhadap data peribadi yang kami kumpulkan tentang anda adalah sangat penting bagi kami, cara kami menggunakan data tersebut dan dengan orang yang kami kongsian data. Itulah yang terkandung dalam Notis Privasi ini – termasuk Lampiran 1. Ia dibahagikan kepada beberapa bahagian untuk pencarian yang lebih mudah. Sebagai tambahan kepada Notis Privasi ini, kami juga kadangkala akan memberikan anda maklumat privasi tambahan tepat pada masanya jika berkenaan.

1. TAKRIFAN	1
2. PERHAL PERKHIDMATAN INFOBIP	2
3. SIAPAKAH YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP DATA PERIBADI ANDA?	3
4. BAGAIMANAKAH KAMI MENDAPATKAN DATA PERIBADI ANDA?	3
5. APAKAH DATA PERIBADI YANG KAMI KUMPULKAN, MENGAPAKAH DAN BERASASKAN UNDANG-UNDANG MANAKAH, BAGAIMANAKAH KAMI MENGGUNAKANNYA SERTA BERAPA LAMAKAH KAMI MENYIMPAN DATA TERSEBUT?	4
6. BAGAIMANAKAH DAN DENGAN SIAPAKAH YANG AKAN KAMI KONGSIKAN DATA PERIBADI ANDA?	19
7. BAGAIMANAKAH KAMI MENJALANKAN PEMINDAHAN ANTARABANGSA KE ATAS DATA PERIBADI ANDA?	20
8. BAGAIMANAKAH KAMI MELINDUNGI DATA PERIBADI ANDA?	20
9. APAKAH HAK ANDA BERKENAAN DENGAN DATA PERIBADI ANDA?	20
10. ADAKAH KAMI MENJALANKAN PEMBUAT KEPUTUSAN AUTOMATIK YANG MEMBERI KESAN KETARA KEPADA ANDA?	21
11. BERAPA LAMAKAH KAMI MENYIMPAN DATA PERIBADI ANDA?	21
12. MAKLUMAT DARIPADA KANAK-KANAK	22
13. BERAPA KERAPKAH KAMI MENGEMAS KINI NOTIS PRIVASI INI?	22
Lampiran 1. Keperluan Khusus Peraturan Privasi Tempatan.....	23

1. TAKRIFAN

Kami menggunakan takrifan berikut dalam notis ini:

- Istilah “**Infobip**” atau “**kita**” atau “**kami**” merujuk kepada syarikat **Infobip Limited** serta **anak syarikat dan sekutunya**. Kadangkala, kami juga mungkin menggunakan istilah “**Kumpulan Infobip**” untuk merujuk kepada Infobip Limited dan anak syarikat serta sekutunya.
- Istilah “**anda**” merujuk kepada orang sebenar (seorang individu) yang data peribadinya dikumpul dan diproses oleh Infobip.



- Istilah “**Perkhidmatan**” bermaksud komunikasi berdasarkan awan Infobip (CPaaS – Platform Komunikasi-sebagai-Perkhidmatan dan SaaS – Perisian-sebagai-Perkhidmatan) dan produk serta perkhidmatan lain.
- Istilah “**data peribadi**” bermaksud apa-apa maklumat tentang anda yang daripadanya anda boleh dikenal pasti, secara langsung atau tidak langsung.
- Istilah “**pengawal**” bermaksud organisasi yang menentukan tujuan dan cara pemprosesan data dan bertanggungjawab untuk memproses data tersebut mengikut cara yang konsisten dengan undang-undang privasi yang terpakai.
- Istilah “**pemproses**” bermaksud organisasi yang memproses data peribadi bagi pihak pengawal.
- Istilah “**undang-undang privasi terpakai**” bermaksud semua undang-undang dan peraturan yang terpakai untuk pemprosesan data peribadi yang diberikan (cth. Peraturan Perlindungan Data Am (EU) 2016/679, GDPR UK atau Akta Perlindungan Data UK 2018). Sila lihat bahan tambahan khusus negara untuk mendapatkan maklumat lanjut.

2. PERIHAL PERKHIDMATAN INFOBIP

Infobip ialah penyedia Platform-sebagai-Perkhidmatan (CPaaS) dan Perisian-sebagai-Perkhidmatan (SaaS). Semasa menyediakan Perkhidmatan kepada pelanggan kami, kami bertindak sama ada sebagai pengawal atau pemproses, bergantung pada situasi.

Aktiviti kami sebagai pemproses

Pelanggan kami sebahagian besarnya adalah syarikat yang menyepadan Perkhidmatan kami ke dalam operasi perniagaan mereka melalui aplikasi perisian mereka sendiri (melalui API) atau dengan menggunakan Portal Infobip, antara muka web kami. Dengan menggunakan platform komunikasi awan kami, pelanggan kami dapat menghantar atau bertukar komunikasi mereka dengan pengguna akhir mereka menggunakan saluran komunikasi yang berbeza (SMS, e-mel, suara dll.). Kami tidak mempunyai hubungan langsung dengan pengguna akhir pelanggan kami, jadi kami mengedarkan komunikasi ini melalui pengendali telekom dan penyedia komunikasi lain. Apabila kami melakukan ini, kami bertindak sebagai pemproses bagi pihak pelanggan kami, dan memproses data berkaitan bagi tujuan semata-mata untuk menyediakan Perkhidmatan kami kepada mereka. Kami melakukan hal tersebut dalam had dan mematuhi arahan pelanggan serta selaras dengan terma dan syarat Perkhidmatan, perjanjian untuk Perkhidmatan, atau pemprosesan data atau perjanjian serupa yang dibuat dengan pelanggan.

Contohnya, apabila anda, sebagai pengguna akhir pelanggan kami merupakan penerima komunikasi yang dihantar oleh pelanggan kami kepada anda dengan menggunakan platform kami (seperti mesej SMS), kami menghantar komunikasi pelanggan tersebut bagi pihak pelanggan kami. Ini bermakna, pelanggan ialah pengawal, dan Infobip ialah pemproses. Sebarang permintaan yang mungkin kami terima daripada pengguna akhir pelanggan mengenai hak mereka yang berkaitan dengan aktiviti kami yang diambil bagi pihak pelanggan kami akan dimajukan kepada pelanggan, atau pengguna akhir akan diminta untuk menghubungi mereka secara terus.

Aktiviti kami sebagai pengawal

Notis Privasi ini menerangkan aktiviti yang dilakukan oleh Infobip sebagai pengawal. Infobip ialah pengawal apabila kami memproses data peribadi untuk tujuan kami sendiri dan tidak bertindak bagi pihak orang lain. Kami komited untuk memproses data tersebut seperti yang diterangkan dalam Notis Privasi ini dan menghormati semua kewajipan yang wujud daripada undang-undang privasi yang terpakai.



3. SIAPAKAH YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP DATA PERIBADI ANDA?

Entiti utama yang bertanggungjawab untuk memproses data peribadi seperti yang diterangkan dalam Notis Privasi ini – pengawal – ialah Infobip Limited, 35-38 New Bridge Street, Fifth Floor, London EC4V 6BW, United Kingdom dengan nombor pendaftaran 7085757.

Untuk tujuan undang-undang perlindungan data EU, Infobip Limited telah melantik Pegawai Perlindungan Data ('DPO') berpangkalan di EU sebagai Wakil EU kami. DPO kami boleh dihubungi melalui alamat e-mel data-protection-officer@infobip.com.

Harap maklum bahawa bergantung pada perjanjian kontrak khusus yang terpakai kepada anda dan aktiviti pemprosesan yang diberikan, anak syarikat atau sekutu Infobip lain mungkin menjadi pengawal untuk data peribadi anda. Butiran perhubungan semua anak syarikat dan sekutu Infobip tersedia di <https://www.infobip.com/offices>.

Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai Notis Privasi ini atau amalan privasi kami, anda boleh menghubungi pasukan Privasi dan Pegawai Perlindungan Data kami melalui alamat e-mel data-protection-officer@infobip.com.

4. BAGAIMANAKAH KAMI MENDAPATKAN DATA PERIBADI ANDA?

Kebanyakan data peribadi yang kami proses diberikan kepada kami secara langsung oleh anda apabila anda, contohnya, menggunakan Perkhidmatan kami, melawati tapak web kami, mendaftar untuk acara, mengambil bahagian dalam inisiatif penyelidikan kami, menyerahkan borang permohonan atau berkomunikasi dengan kami.

Kami juga menerima maklumat peribadi daripada sumber lain, seperti dalam situasi berikut:

- Jika anda bekerja dengan atau mewakili salah satu pelanggan atau pembekal kami, mereka mungkin memberikan kami maklumat tertentu supaya anda boleh menggunakan Perkhidmatan kami
- Jika anda adalah pengguna akhir salah satu pelanggan kami, mereka mungkin memberikan kami maklumat tertentu untuk menggunakan Perkhidmatan kami
- Jika anda mengambil bahagian dalam penyelidikan pasaran kami, kami mungkin menerima maklumat daripada penyedia pihak ketiga kami yang berkaitan dengan penyelidikan itu
- Jika anda melawati tapak web kami atau menggunakan Perkhidmatan kami, kami mengumpul maklumat tertentu secara automatik, seperti alamat protokol Internet (IP) anda, tetapan pengguna, pengecam kuki dan pengecam unik lain, maklumat penyemak imbas atau peranti, dan maklumat lokasi (termasuk anggaran lokasi yang diperoleh daripada alamat IP). Untuk maklumat lanjut tentang cara kami mengumpul data melalui kuki sila lawati [Dasar Kuki](#) kami
- Jika anda memohon pekerjaan, kami mungkin menerima maklumat daripada penyedia perkhidmatan pemeriksaan latar belakang, atau mengumpul maklumat daripada LinkedIn atau sumber lain yang tersedia secara umum atau daripada penyedia peningkatan data (jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan)
- Jika anda dinamakan sebagai rujukan oleh pemohon pekerjaan kami, kami mungkin menerima maklumat tertentu supaya kami boleh berhubung dengan anda sebagai sebahagian daripada proses pengambilan bekerja kami.



5. APAKAH DATA PERIBADI YANG KAMI KUMPULKAN, MENGAPAKAH DAN BERASASKAN UNDANG-UNDANG MANAKAH, BAGAIMANAKAH KAMI MENGGUNAKANNYA SERTA BERAPA LAMAKAH KAMI MENYIMPAN DATA TERSEBUT?

5.1 Apabila kami menyediakan Perkhidmatan kepada pelanggan kami

Dalam bahagian ini, anda akan menemukan maklumat mengenai pemprosesan data peribadi apabila kami menyediakan Perkhidmatan kepada pelanggan kami.

Ia memberikan butiran tentang cara kami memproses data anda jika anda:

- Sebagai seorang individu yang menjadi pelanggan kami
- Sedang bekerja untuk atau bagi pihak pelanggan kami, dalam hal ini anda sama ada:
 - Seorang “**pengguna akaun**” (individu yang diberi kuasa oleh pelanggan untuk log masuk ke akaun mereka dan menggunakan Perkhidmatan Infobip)
 - Seorang “**orang perhubungan perniagaan**” (wakil pelanggan atau mana-mana individu lain yang bertindak sebagai titik hubungan antara pelanggan dan Infobip)
- Merupakan “**pengguna akhir**” pelanggan kami (seorang individu yang menerima komunikasi daripada atau menghantarnya kepada pelanggan kami).

5.1.1. Untuk memeterai perjanjian, mencipta akaun pelanggan dan memberikan sokongan yang diperlukan untuk membolehkan pelanggan menggunakan Perkhidmatan kami

Apakah data peribadi yang kami kumpulkan?	Infobip mengumpul “ data akaun ”, yang merupakan semua data penting untuk mengekalkan hubungan perniagaan dengan pelanggan dengan jayanya seperti maklumat yang diperlukan untuk mencipta akaun pelanggan, untuk membolehkan pelanggan menggunakan Perkhidmatan Infobip, atau untuk mengebil pelanggan dengan sewajarnya. Jenis data khusus termasuk: <ul style="list-style-type: none">• Butiran pendaftaran pelanggan dan pengguna akaun (cth. nama dan nama keluarga, alamat (perniagaan), nombor telefon, alamat e-mel, nama dan industri syarikat, peranan perniagaan serta butiran log masuk)• Butiran pengebilan dan kewangan pelanggan (cth. alamat pengebilan, pelanggan prabayar atau pascabayar, butiran akaun bank, nombor VAT, maklumat tentang kemampuan bayar kredit dan kelakuan pembayaran, serta maklumat tambahan lain seperti yang diperlukan di bawah undang-undang yang terpakai)• Butiran orang perhubungan perniagaan (cth. nama dan nama keluarga, alamat (perniagaan), nombor telefon dan alamat e-mel, nama dan industri syarikat serta peranan perniagaan)• “Data sokongan pelanggan” (iaitu komunikasi sokongan pelanggan termasuklah kandungan aduan sokongan pelanggan).
Bagaimanakah kami mengumpulkan data?	<ul style="list-style-type: none">• Secara langsung daripada anda atau daripada pembekal usaha wajar kami, jika anda seorang individu.• Secara langsung daripada anda atau melalui organisasi anda, jika organisasi anda merupakan pelanggan kami.



<p>Mengapakah kami mengumpulkan data, di bawah asas undang-undang yang mana dan bagaimanakah kami akan menggunakan data?</p>	<p>Kami mengumpul dan menggunakan data akaun untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menandatangi dan mentadbir perjanjian dengan pelanggan kami Mencipta akaun pelanggan dan membolehkan pengguna mereka menggunakan Perkhidmatan kami Memastikan akaun pelanggan selamat dan menyediakan penjagaan dan sokongan pelanggan Berkongsi maklumat yang berkaitan tentang produk dan perkhidmatan kami, mengekalkan dan meningkatkan hubungan perniagaan kami dengan pelanggan, dan melaksanakan hak kami dan memenuhi kewajipan kami yang wujud daripada hubungan perniagaan ini Menilai, dengan menjalankan proses usaha wajar, sama ada kami boleh memeterai perjanjian kontrak dengan bakal pelanggan. Kami mungkin menggunakan data pengenalan anda sebagai sebahagian daripada proses. Setiap kali usaha wajar dijalankan, kami akan memaklumkan anda butiran tepat tentang pemprosesan secara berasingan. <p>Menjalankan aktiviti ini adalah kepentingan sah kami bertujuan untuk menyediakan Perkhidmatan kami kepada organisasi anda. Walau bagaimanapun, jika anda secara peribadi adalah rakan kontrak kami, kami memproses data anda kerana ia diperlukan untuk melaksanakan perjanjian bagi Perkhidmatan atau untuk memberikan bantuan kepada permintaan anda sebelum menandatangani perjanjian.</p>
<p>Berapa lamakah kami akan menyimpan data?</p>	<ul style="list-style-type: none"> Data peribadi pengguna akaun dan orang perhubungan perniagaan disimpan selama dua belas (12) bulan selepas berakhirnya hubungan perniagaan kami dengan pelanggan. Data peribadi individu yang merupakan pelanggan kami disimpan selama tujuh (7) tahun selepas berakhirnya hubungan perniagaan kami. Data sokongan pelanggan disimpan selama tujuh (7) tahun selepas penyelesaian permintaan sokongan. <p>Data akaun secara amnya akan disimpan mengikut tarikh akhir yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, kami mungkin dikehendaki untuk mengekalkan data ini bagi tempoh masa yang berbeza dalam keadaan tertentu jika ditetapkan oleh undang-undang tempatan khusus, apabila diminta oleh pihak berkuasa atau jika perlu untuk mempertahankan hak undang-undang kami. Sila lihat Bahagian 11 untuk mendapatkan butiran lanjut.</p>
<p>5.1.2. Untuk membolehkan pelanggan bertukar komunikasi mereka melalui Perkhidmatan kami, memastikan keselamatan rangkaian dan Perkhidmatan kami, serta mengendalikan pengebilian dan pembayaran</p>	
<p>Apakah data peribadi yang kami kumpulkan?</p>	<p>Infobip mengumpul “data berkaitan komunikasi” yang merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> “Kandungan komunikasi”: teks mesej, suara, video atau media audio, dokumen atau imej yang saling ditukar antara pelanggan dan pengguna akhir mereka melalui Perkhidmatan Infobip “Data trafik”: data yang diproses untuk penghantaran komunikasi yang ditukar dengan menggunakan Perkhidmatan kami atau untuk pengebilian yang berkaitan dengan komunikasi tersebut. Ia termasuk maklumat mengenai komunikasi itu sendiri (cth. penghalaan, jenis, tempoh dan masa komunikasi) dan mengenai sumber dan destinasi komunikasi (termasuk nombor telefon atau alamat e-mel pengguna akhir pelanggan bergantung pada Perkhidmatan yang disediakan).



	<p>Kami juga mengumpul “data penggunaan”, iaitu maklumat yang dicipta semasa anda menggunakan Perkhidmatan kami. Ini termasuklah maklumat yang disampaikan oleh aplikasi kepada Infobip (cth. alamat IP, maklumat tentang penggunaan anda, maklumat penghalaan), serta log aktiviti anda di platform kami.</p>						
Bagaimanakah kami mengumpulkan data?	<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan komunikasi diterima daripada pelanggan kami atau pengguna akhir mereka. • Nombor telefon atau alamat e-mel pengguna akhir pelanggan diterima daripada pelanggan kami. Data trafik lain dijana atau didedahkan secara automatik semasa proses penghantaran komunikasi. • Data penggunaan diterima terus daripada anda atau dijana secara automatik apabila anda menggunakan Perkhidmatan kami. 						
Mengapakah kami mengumpulkan data, di bawah asas undang-undang yang mana dan bagaimanakah kami akan menggunakan data?	<p>Kandungan komunikasi dikumpul dan diproses hanya bagi pihak pelanggan khusus. Kami bertindak sebagai pemproses dan selaras dengan arahan pelanggan.</p> <p>Data trafik biasanya disimpan dalam bentuk rekod butiran komunikasi, dan kami mengumpulnya dan menggunakan untuk:</p> <table border="1"> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Menguruskan trafik dengan tujuan menghantar komunikasi pelanggan kepada atau daripada pengendali telekom dan pembekal komunikasi lain dan untuk mengendalikan pertanyaan pelanggan. </td><td>Jika anda, sebagai pelanggan kami, adalah seorang individu, pemprosesan data peribadi anda diperlukan untuk melaksanakan perjanjian kami untuk Perkhidmatan. Jika pelanggan kami adalah orang yang sah, kami bergantung pada kepentingan sah kami untuk menyediakan Perkhidmatan kepada pelanggan kami.</td></tr> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Menyelesaikan masalah dan mengesan masalah dengan rangkaian, mencegah penipuan dan aktiviti terlarang lain, dan memastikan Perkhidmatan kami selamat. Semasa menjalankan aktiviti ini, kami mungkin juga memanfaatkan data akaun dan penggunaan. Penyataan sebelum ini amat relevan untuk menyiasat aktiviti penipuan kerana ia membolehkan kami mewujudkan rangka masa aktiviti pengguna akaun dalam kes insiden berkaitan keselamatan dan dapat mengambil langkah yang mencukupi untuk pengurangan. </td><td>Keselamatan Perkhidmatan kami adalah penting bagi kami, jadi untuk aktiviti ini kami bergantung pada kepentingan sah kami untuk mengekalkan dan meningkatkan keselamatan rangkaian dan Perkhidmatan kami.</td></tr> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Mengira caj dan menyelesaikan pembayaran sambungan dengan pengendali telekom dan penyedia komunikasi lain atau menyelesaikan pertikaian pengebilan dengan pelanggan kami atau pembekal komunikasi kami. Dalam sesetengah kes, kami mungkin juga menggunakan data akaun sebagai sebahagian daripada aktiviti ini. </td><td>Menjalankan aktiviti ini adalah kepentingan sah kami bagi tujuan pengendalian pembayaran dan menyelesaikan pertikaian kewangan.</td></tr> </table> <p>Harap maklum bahawa untuk mematuhi kewajipan undang-undang kami, kami mungkin diwajibkan untuk mengekalkan rekod yang mengandungi data berkaitan komunikasi seperti yang ditetapkan dalam peruntukan penyimpanan data kebangsaan yang</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menguruskan trafik dengan tujuan menghantar komunikasi pelanggan kepada atau daripada pengendali telekom dan pembekal komunikasi lain dan untuk mengendalikan pertanyaan pelanggan. 	Jika anda, sebagai pelanggan kami, adalah seorang individu, pemprosesan data peribadi anda diperlukan untuk melaksanakan perjanjian kami untuk Perkhidmatan. Jika pelanggan kami adalah orang yang sah, kami bergantung pada kepentingan sah kami untuk menyediakan Perkhidmatan kepada pelanggan kami.	<ul style="list-style-type: none"> • Menyelesaikan masalah dan mengesan masalah dengan rangkaian, mencegah penipuan dan aktiviti terlarang lain, dan memastikan Perkhidmatan kami selamat. Semasa menjalankan aktiviti ini, kami mungkin juga memanfaatkan data akaun dan penggunaan. Penyataan sebelum ini amat relevan untuk menyiasat aktiviti penipuan kerana ia membolehkan kami mewujudkan rangka masa aktiviti pengguna akaun dalam kes insiden berkaitan keselamatan dan dapat mengambil langkah yang mencukupi untuk pengurangan. 	Keselamatan Perkhidmatan kami adalah penting bagi kami, jadi untuk aktiviti ini kami bergantung pada kepentingan sah kami untuk mengekalkan dan meningkatkan keselamatan rangkaian dan Perkhidmatan kami.	<ul style="list-style-type: none"> • Mengira caj dan menyelesaikan pembayaran sambungan dengan pengendali telekom dan penyedia komunikasi lain atau menyelesaikan pertikaian pengebilan dengan pelanggan kami atau pembekal komunikasi kami. Dalam sesetengah kes, kami mungkin juga menggunakan data akaun sebagai sebahagian daripada aktiviti ini. 	Menjalankan aktiviti ini adalah kepentingan sah kami bagi tujuan pengendalian pembayaran dan menyelesaikan pertikaian kewangan.
<ul style="list-style-type: none"> • Menguruskan trafik dengan tujuan menghantar komunikasi pelanggan kepada atau daripada pengendali telekom dan pembekal komunikasi lain dan untuk mengendalikan pertanyaan pelanggan. 	Jika anda, sebagai pelanggan kami, adalah seorang individu, pemprosesan data peribadi anda diperlukan untuk melaksanakan perjanjian kami untuk Perkhidmatan. Jika pelanggan kami adalah orang yang sah, kami bergantung pada kepentingan sah kami untuk menyediakan Perkhidmatan kepada pelanggan kami.						
<ul style="list-style-type: none"> • Menyelesaikan masalah dan mengesan masalah dengan rangkaian, mencegah penipuan dan aktiviti terlarang lain, dan memastikan Perkhidmatan kami selamat. Semasa menjalankan aktiviti ini, kami mungkin juga memanfaatkan data akaun dan penggunaan. Penyataan sebelum ini amat relevan untuk menyiasat aktiviti penipuan kerana ia membolehkan kami mewujudkan rangka masa aktiviti pengguna akaun dalam kes insiden berkaitan keselamatan dan dapat mengambil langkah yang mencukupi untuk pengurangan. 	Keselamatan Perkhidmatan kami adalah penting bagi kami, jadi untuk aktiviti ini kami bergantung pada kepentingan sah kami untuk mengekalkan dan meningkatkan keselamatan rangkaian dan Perkhidmatan kami.						
<ul style="list-style-type: none"> • Mengira caj dan menyelesaikan pembayaran sambungan dengan pengendali telekom dan penyedia komunikasi lain atau menyelesaikan pertikaian pengebilan dengan pelanggan kami atau pembekal komunikasi kami. Dalam sesetengah kes, kami mungkin juga menggunakan data akaun sebagai sebahagian daripada aktiviti ini. 	Menjalankan aktiviti ini adalah kepentingan sah kami bagi tujuan pengendalian pembayaran dan menyelesaikan pertikaian kewangan.						



	berkaitan yang mengawal selia perihal penguatkuasaan undang-undang, dan untuk berkongsi data atas permintaan kerajaan.
Berapa lamakah kami akan menyimpan data?	<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan komunikasi disimpan bagi pihak pelanggan dan mengikut arahan pelanggan. • Data trafik yang mengandungi data peribadi pengguna akhir (seperti nombor telefon atau alamat e-mel) dipadamkan daripada rekod butiran komunikasi dua belas (12) bulan selepas berakhirnya bulan yang berlakunya komunikasi itu. • Data trafik lain (seperti masa, jenis, tempoh komunikasi, butiran penghalaan) yang tidak mengandungi maklumat peribadi pengguna akhir disimpan dalam rekod butiran komunikasi sehingga sepuluh (10) tahun selepas tahun komunikasi. • Data penggunaan boleh disimpan sehingga tiga (3) tahun. <p>Data berkaitan komunikasi dan penggunaan secara amnya akan disimpan mengikut tarikh akhir yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, kami mungkin dikehendaki untuk mengekalkan data ini bagi tempoh masa yang berbeza dalam keadaan tertentu jika ditetapkan oleh undang-undang tempatan khusus, apabila diminta oleh pihak berkuasa atau jika perlu untuk mempertahankan hak undang-undang kami. Sila lihat Bahagian 11 untuk mendapatkan butiran lanjut.</p>
5.1.3. Untuk menambah baik produk dan Perkhidmatan kami	
Apakah data peribadi yang kami kumpulkan?	Infobip mengumpul “data analisis gelagat” , iaitu data yang anda jana sebagai pengguna akaun pelanggan kami semasa aktiviti anda di tapak web kami dan platform kami (cth. rekod gelagat anda di dalam antara muka web kami, seperti masa yang diluangkan, halaman yang dilawati, sejarah lawatan dan ciri anda digunakan serta alamat IP anda dan maklumat tentang penyemak imbas anda).
Bagaimanakah kami mengumpulkan data?	<ul style="list-style-type: none"> • Data analisis gelagat diterima terus daripada anda atau dijana secara automatik apabila anda menggunakan Perkhidmatan kami dengan meletakkan kuki dan teknologi penjejak yang dipercayai pada penyemak imbas anda. Untuk maklumat lanjut tentang cara kami mengumpul data anda melalui kuki di tapak web kami, sila lawati Dasar Privasi kami.
Mengapakah kami mengumpulkan data, di bawah asas undang-undang yang mana dan bagaimanakah kami akan menggunakan data?	<p>Kami mengumpul dan menggunakan data analisis gelagat untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mendapatkan pemahaman tentang cara pelanggan semasa kami menggunakan platform dan Perkhidmatan kami. Khususnya, kami mengambil ukuran separa automatik yang merangkumi campur tangan manusia untuk menganalisis cara anda menggunakan ciri-ciri dan alatan yang tersedia pada platform kami untuk memberi anda cadangan bagi meningkatkan prestasi anda (cth. cara mengakses beberapa ciri dengan lebih baik) dan untuk memenuhi keperluan perniagaan pelanggan kami dengan lebih baik. • Mencipta statistik tentang penggunaan alatan kami untuk memahami alatan yang mempunyai reka bentuk yang mesra pengguna dan yang perlu dipertingkatkan. <p>Matlamat umum aktiviti sedemikian adalah untuk mempertingkatkan pelaksanaan pemesejan anda dan organisasi anda apabila berkomunikasi dengan pengguna akhir anda, dan kami bergantung pada kepentingan sah kami semasa menjalankannya.</p>
Berapa lamakah kami akan menyimpan data?	Data analisis gelagat dikenakan sehingga dua puluh lima (25) bulan selepas ia dijana.
5.2. Apabila anda menyediakan produk atau perkhidmatan anda kepada kami	
Apakah data peribadi yang	Jika anda sebagai pembekal kami (juga dikenali sebagai vendor atau pembekal perkhidmatan) merupakan individu, kami mungkin mengumpul:



kami kumpulkan?	<ul style="list-style-type: none"> Nama dan nama keluarga anda, alamat (perniagaan), nombor telefon, alamat e-mel, nama dan industri syarikat, peranan perniagaan, serta maklumat pengebilhan anda (cth. alamat pengebilhan, nombor VAT anda, butiran akaun bank dan maklumat lanjut jika kami dikehendaki dari segi undang-undang dan mematuhi undang-undang negara yang terpakai). <p>Apabila menjalankan perniagaan dengan pembekal kami, kami juga boleh mengumpul:</p> <ul style="list-style-type: none"> Data peribadi yang berkaitan dengan “orang perhubungan perniagaan” (wakil pembekal dan individu lain yang bertindak sebagai titik perhubungan antara pembekal dan Infobip) seperti nama dan nama keluarga, alamat (perniagaan), nombor telefon, e-mel, nama syarikat dan industri serta peranan perniagaan.
Bagaimanakah kami mengumpulkan data?	<ul style="list-style-type: none"> Secara langsung daripada anda, jika anda sebagai individu merupakan pembekal kami. Secara langsung daripada anda atau melalui organisasi anda, jika organisasi anda merupakan pembekal kami.
Mengapakah kami mengumpulkan data, di bawah asas undang-undang yang mana dan bagaimanakah kami akan menggunakan data?	<p>Kami mengumpul dan akan menggunakan data ini untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menandatangani dan mentadbir perjanjian dengan anda atau organisasi anda Dapatkan maklumat yang berkaitan tentang produk atau perkhidmatan anda atau berkongsi maklumat yang berkaitan tentang perniagaan dan perkhidmatan kami dengan anda Mengekalkan dan menambah baik hubungan perniagaan kami dengan anda atau organisasi anda serta melaksanakan hak kami dan memenuhi kewajipan kami yang wujud daripada hubungan perniagaan. <p>Menjalankan aktiviti ini adalah kepentingan sah kami untuk tujuan membeli produk atau perkhidmatan daripada atau bekerjasama dengan pembekal yang merupakan orang yang sah. Walau bagaimanapun, jika anda secara peribadi adalah rakan kontrak kami, kami memproses data anda kerana ia diperlukan untuk melaksanakan perjanjian atau untuk memeterai perjanjian.</p>
Berapa lamakah kami akan menyimpan data?	<ul style="list-style-type: none"> Data peribadi tentang orang perhubungan perniagaan akan dipadamkan dua belas (12) bulan selepas berakhirnya hubungan perniagaan kami dengan pembekal. Data peribadi individu yang merupakan pembekal kami dipadamkan tujuh (7) tahun selepas berakhirnya hubungan perniagaan kami. <p>Jika ditetapkan oleh undang-undang tempatan tertentu, apabila diminta oleh pihak berkuasa, atau jika perlu untuk mempertahankan hak undang-undang kami, kami mungkin perlu mengekalkan data ini untuk tempoh masa yang berbeza daripada yang disenaraikan di atas. Sila lihat Bahagian 11 untuk mendapatkan butiran lanjut.</p>
5.3. Apabila anda menghubungi kami dengan soalan tentang produk dan perkhidmatan kami dan apabila kami mencari peluang perniagaan baru	
Apakah data peribadi yang kami kumpulkan?	Kami mungkin mengumpul nama dan nama keluarga anda, butiran perhubungan (cth. alamat e-mel, nombor telefon, negara) dan butiran perniagaan (cth. nama syarikat dan industri serta peranan perniagaan anda). Kami juga akan mengumpul sebarang maklumat lain yang anda pilih untuk berikan kepada kami, bergantung pada jenis komunikasi kami.
Bagaimanakah kami mengumpulkan data?	<ul style="list-style-type: none"> Secara langsung daripada anda apabila anda mendaftar di tapak web kami untuk mengetahui lebih lanjut tentang perniagaan dan perkhidmatan kami (cth. melalui borang “Hubungi Jualan”), mula bersempang dengan kami melalui saluran sembang kami, mengambil langkah untuk menjalin hubungan perniagaan dengan kami,



	<p>menyerahkan borang permohonan Startup Tribe dan apabila anda memberikan kepada kami butiran maklumat perhubungan anda apabila meminta maklumat lanjut.</p> <ul style="list-style-type: none"> Secara tidak langsung melalui rangkaian dan pangkalan data perniagaan dan profesional (seperti LinkedIn) atau pihak ketiga yang kami mungkin gunakan yang membekalkan kepada kami maklumat yang dikumpul daripada sumber yang tersedia secara umum dan penyedia peningkatan data. Kami hanya menyimpan maklumat yang akan membantu kami menjangkau bakal pelanggan atau pembekal yang boleh mendapat manfaat daripada perkhidmatan dan produk kami, atau jika kami berminat dengan produk dan perkhidmatan mereka.
Mengapakah kami mengumpulkan data, di bawah asas undang-undang yang mana dan bagaimanakah kami akan menggunakan data?	<p>Kami mengumpulkan dan menggunakan data ini untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> Berkomunikasi dengan anda, menjawab soalan anda, dan mengetahui sama ada anda atau organisasi anda berminat untuk bekerjasama lagi dengan kami, sama ada dengan menggunakan produk dan perkhidmatan kami atau dengan menyediakan produk atau perkhidmatan anda kepada kami Memastikan sokongan yang mencukupi dalam proses prajualan dan pembelian jika terdapat kepentingan bersama dalam memeterai perjanjian. <p>Aktiviti sedemikian mewakili kepentingan sah kami untuk menjalankan perniagaan kami. Jika anda secara peribadi adalah rakan kontrak kami, kami memproses data anda kerana ia diperlukan untuk melaksanakan perjanjian atau untuk memeterai perjanjian.</p>
Berapa lamakah kami akan menyimpan data?	<ul style="list-style-type: none"> Data peribadi yang dikumpul untuk tujuan ini akan dipadamkan enam (6) bulan selepas komunikasi terakhir kami melainkan kami memeterai perjanjian perniagaan dengan anda atau organisasi anda.
5.4. Apabila kami menghantar e-mel kami atau komunikasi pemasaran lain kepada anda	
Apakah data peribadi yang kami kumpulkan?	Kami mengumpul nama dan nama keluarga anda serta butiran perhubungan (cth. alamat e-mel atau nombor telefon). Kami juga mengumpul statistik ringkas tentang pembukaan dan klikan e-mel.
Bagaimanakah kami mengumpulkan data?	<ul style="list-style-type: none"> Secara langsung daripada anda jika anda melanggan untuk menerima surat berita, blog atau komunikasi pemasaran kami yang lain melalui borang web yang tersedia di tapak web kami Secara langsung daripada anda atau melalui organisasi anda sebagai sebahagian daripada pemasaran perniagaan ke perniagaan (B2B) jika kami mempunyai hubungan perniagaan sedia ada dengan organisasi anda Statistik ringkas berkaitan pembukaan dan klikan e-mel dijana secara automatik melalui teknologi standard industri seperti gif yang jelas apabila anda terlibat dengan e-mel kami.
Mengapakah kami mengumpulkan data, di bawah asas undang-undang yang mana dan bagaimanakah kami akan	<p>Tujuan kami mengumpul data ini adalah untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> Memaklumkan kepada anda tentang Perkhidmatan kami, berita syarikat, webinar dan acara yang akan datang Mengumpulkan statistik (pembukaan e-mel dan klik) untuk membantu kami menambah baik inisiatif pemasaran langsung kami. <p>Jika anda melanggan komunikasi pemasaran e-mel kami, kami bergantung pada persetujuan anda yang diberikan kepada kami semasa menyerahkan borang web</p>



menggunakan data?	<p>tersebut. Untuk pemasaran B2B (perniagaan kepada perniagaan), kami bergantung pada kepentingan sah kami untuk mengekalkan dan menambah baik hubungan perniagaan kami dengan memaklumkan kepada rakan kongsi perniagaan kami yang sedia ada (cth., pelanggan dan pembekal) tentang Perkhidmatan kami, berita syarikat, webinar dan acara yang akan datang melalui e-mel atau bentuk komunikasi yang lain.</p> <p>Dalam mana-mana keadaan sekali pun, anda boleh menguruskan keutamaan anda secara proaktif atau menarik diri daripada komunikasi (nyahlanggan) dengan Infobip pada bila-bila masa dengan menggunakan pautan nyahlanggan yang disediakan dalam semua komunikasi pemasaran Infobip. Apabila anda menyahlanggan daripada komunikasi pemasaran kami (iaitu menarik balik persetujuan anda atau membantah pemprosesan), kami akan berhenti menghantar apa-apa bahan pemasaran kepada anda.</p> <p>Namun, kami mengekalkan "senarai sekatan" yang hanya mengandungi alamat e-mel atau nombor telefon anda supaya kami tahu kami tidak menghubungi anda dengan kandungan yang tidak diingini pada masa akan datang. Kami mengekalkan maklumat ini dengan bergantung pada kepentingan sah kami untuk menghormati pilihan penerima surat berita kami.</p>
Berapa lamakah kami akan menyimpan data?	<ul style="list-style-type: none"> • Data peribadi anda (nama dan nama keluarga, butiran perhubungan) disimpan untuk aktiviti pemasaran kami semasa perhubungan perniagaan anda atau organisasi anda dengan kami melainkan anda membantah (B2B). • Jika anda telah melanggan secara langsung, maka data peribadi anda akan disimpan untuk aktiviti pemasaran kami sehingga anda menyahlanggan. <p>Jika anda melanggan atau membantah, kami hanya akan menyimpan senarai sekatan yang menyertakan butiran hubungan anda (cth., alamat e-mel atau nombor telefon) untuk memastikan anda tidak menerima apa-apa komunikasi pemasaran yang lanjut.</p>
<p>5.5. Apabila anda mendaftar, menghadiri atau memberikan ceramah dalam webinar, acara sarapan perniagaan, pertemuan pembangun atau acara kami yang lain</p>	
Apakah data peribadi yang kami kumpulkan?	<p>Apabila anda mendaftar untuk menghadiri atau apabila anda mendaftar masuk acara sarapan perniagaan, webinar, pertemuan pembangun kami atau mana-mana acara lain ("acara"), kami biasanya mengumpulkan nama dan nama keluarga, butiran hubungan (cth., e-mel, nombor telefon, negara) anda serta butiran perniagaan anda (cth., nama syarikat dan industri dan peranan perniagaan). Jika anda menyertai acara sebagai penceramah, anda mungkin diminta untuk menyediakan CV ringkas anda dan foto rasmi anda.</p> <p>Untuk acara langsung, kami juga mungkin meminta maklumat daripada anda tentang masa dan tempat ketibaan anda serta butiran penginapan dan keperluan diet yang mungkin anda ada. Jika anda mahu kami menyediakan surat jemputan kepada anda atau anda mahu mendapatkan surat jaminan untuk tujuan visa, kami akan mengumpulkan maklumat yang diperlukan oleh undang-undang yang terpakai (seperti nama dan nama keluarga anda, alamat, tarikh lahir atau butiran pasport).</p> <p>Kami mungkin mengumpulkan foto, audio dan bahan video daripada acara kami.</p> <p>Apabila mendaftar dan menghadiri Persidangan Infobip Shift, peraturan yang berasingan mungkin terpakai. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila semak Notis Privasi Infobip Shift.</p>



Bagaimakah kami mengumpulkan data?	<ul style="list-style-type: none"> Secara langsung daripada anda apabila anda mendaftar untuk menghadiri atau mendaftar masuk di acara kami. Kadangkala organisasi anda akan menghantar butiran hubungan anda kepada kami untuk menghadiri acara kami bagi pihak mereka, dan kami akan menghantar jemputan kepada anda dengan pautan pendaftaran.
Mengapakah kami mengumpulkan data, di bawah asas undang-undang yang mana dan bagaimakah kami akan menggunakan data?	<p>Kami mengumpulkan dan menggunakan data ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> Jika anda mendaftar webinar, untuk menyediakan butiran webinar kepada anda terlebih dahulu, untuk mengingatkan anda tentang webinar dan menghantar e-mel dengan rakaman webinar kepada anda selepas acara.
	<ul style="list-style-type: none"> Jika anda mendaftar untuk menghadiri atau memberikan ceramah dalam acara langsung kami, untuk menjamin slot anda dalam acara, untuk berkomunikasi dengan anda tentang semua maklumat yang berkaitan sebelum ketibaan anda dan semasa acara, dan untuk memudahkan pengaturan acara (cth., membantu anda dengan maklumat tentang lokasi acara kami, penginapan, perjalanan dan butiran logistik lain yang berkaitan dengan acara).
	<ul style="list-style-type: none"> Untuk membantu anda mendapatkan visa untuk acara yang ingin anda hadiri, termasuk untuk menghantar jemputan, surat sokongan atau surat jaminan.
	<p>Kami hanya mengumpulkan maklumat ini untuk bertindak balas terhadap permintaan anda dan kami bergantung pada persetujuan anda yang diberikan apabila anda menyerahkan data peribadi anda untuk tujuan ini.</p> <p>Namun, kami mungkin diwajibkan berkongsi dokumen tersebut dengan pihak berkuasa kerajaan dan untuk mengekalkan data selama suatu tempoh masa. Kami melakukan ini untuk mematuhi kewajipan undang-undang kami.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> Untuk menjemput anda kepada acara yang akan datang dan memaklumkan kepada anda tentang produk dan perkhidmatan kami yang kami rasa anda mungkin berminat. Untuk tujuan itu, kami menyimpan senarai peserta acara yang sebelum ini yang hanya mengandungi nama dan nama keluarga anda, butiran hubungan dan butiran perniagaan,
	<ul style="list-style-type: none"> Untuk menjalankan aktiviti promosi acara yang kami adakan, yang termasuk penerbitan foto,



	video, audio dan teks dalam media dalam talian dan luar talian.	
Berapa lamakah kami akan menyimpan data?	<ul style="list-style-type: none"> • Data peribadi yang dikumpulkan apabila mendaftar webinar atau acara langsung (cth., nama dan nama keluarga, butiran hubungan, butiran perniagaan) akan dipadam dua (2) tahun selepas acara tersebut. • Semua data peribadi lain yang dikumpulkan untuk pengaturan acara (penginapan, dan data logistik lain) akan dipadam dalam masa enam puluh (60) hari selepas hari acara. • Apa-apa jemputan, surat sokongan atau surat jaminan akan disimpan selama tempoh masa yang ditentukan oleh undang-undang yang terpakai. 	
5.6. Apabila kami menjalankan aktiviti penyelidikan		
5.6.1. Apabila kami menjalankan aktiviti penyelidikan tanpa nama		
Apakah data peribadi yang kami kumpulkan?	Kami mengumpulkan nama dan nama keluarga serta alamat e-mel anda. Namun, jenis penyelidikan ini dimaksudkan untuk menjadi tanpa nama, tujuan kami adalah untuk hanya mengumpulkan data peribadi anda yang diperlukan untuk menghantar soal selidik kepada anda tetapi tidak menghubungkan jawapan tanpa nama kepada anda dengan apa-apa cara.	
Bagaimanakah kami mengumpulkan data?	<ul style="list-style-type: none"> • Kami mengumpulkan nama dan nama keluarga dan butiran hubungan (alamat e-mel) anda daripada rangkaian perniagaan dan profesional (contohnya, LinkedIn), atau daripada pangkalan data kami jika anda atau organisasi anda merupakan pelanggan atau pembekal kami. 	
Mengapakah kami mengumpulkan data, di bawah asas undang-undang yang mana dan bagaimanakah kami akan menggunakan data?	<p>Kami mengumpulkan dan menggunakan data ini untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjemput anda untuk mengambil tinjauan dengan menghantar URL generik yang tidak boleh dijejak kepada soal selidik tinjauan. Jika anda berputus untuk mengambil bahagian dan menjawab soalan kami, kami tidak akan meminta anda mendedahkan apa-apa data peribadi kerana tujuan kami adalah untuk mengekalkan jawapan sebagai tanpa nama. Proses ini dijalankan sebagai sebahagian daripada aktiviti penyelidikan pasaran tanpa nama kami untuk menambah baik produk dan perkhidmatan kami, serta potensi penyasarannya kami dengan lebih lanjut. <p>Apabila mencari alamat e-mel anda, kami bergantung pada kepentingan sah kami. Tujuan kami adalah untuk hanya mengumpulkan maklumat tanpa nama melalui tinjauan. Namun, jika anda mendedahkan apa-apa maklumat tentang anda dalam jawapan anda, kami akan bergantung pada persetujuan anda. Kami tidak akan menghubungkan atau cuba menghubungkan jawapan yang diberikan dengan anda dan kami juga tidak memaklumkan kepada organisasi lain (cth., majikan anda) tentang jawapan yang anda berikan dengan apa-apa cara.</p>	
Berapa lamakah kami akan menyimpan data?	<ul style="list-style-type: none"> • Kami akan memproses jawapan yang anda berikan untuk mendapatkan maklum balas am tentang produk dan perkhidmatan kami. Namun, kami tidak sekali-kali akan meminta anda untuk mendedahkan apa-apa data peribadi dalam jawapan anda, dan jika anda mendedahkan apa-apa data peribadi dalam jawapan anda, data tersebut akan dipadamkan dengan segera. 	
5.6.2 Apabila kami menjalankan temu bual penyelidikan pasaran yang mendalam		
Apakah data peribadi yang kami kumpulkan?	Kami mengumpulkan data peribadi anda seperti nama dan nama keluarga, e-mel, peranan pekerjaan dan nama organisasi pekerjaan anda. Kami juga mengumpulkan apa-apa maklumat lain yang anda pilih untuk berikan semasa temu bual, dan temu bual akan dirakam dan ditranskripkan.	



Bagaimakah kami mengumpulkan data?	<ul style="list-style-type: none"> Kami mengumpulkan nama dan nama keluarga dan butiran hubungan secara langsung daripada anda atau daripada penyedia pihak ketiga yang kami terlibat untuk menjalankan temu bual ini dan mendapatkan peserta yang sesuai. Apa-apa maklumat lanjut (cth., pandangan anda tentang keseluruhan pasaran untuk perkhidmatan tertentu) akan dikumpulkan secara langsung daripada anda oleh kami atau oleh penyedia pihak ketiga bergantung pada pihak yang menjalankan temu bual. 		
Mengapakah kami mengumpulkan data, di bawah asas undang-undang yang mana dan bagaimakah kami akan menggunakan data?	<p>Kami mengumpulkan dan menggunakan data ini untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menjalankan temu bual penyelidikan pasaran secara mendalam bagi memahami situasi pasaran yang lebih luas untuk produk dan perkhidmatan yang kami tawarkan dan untuk keseluruhan syarikat kami. Apa-apa komen dan pandangan yang anda berikan hanya akan digunakan untuk tujuan dalaman untuk menambah baik produk, perkhidmatan dan amalan perniagaan kami. <p>Apabila menjalankan temu bual ini, kami bergantung pada persetujuan anda.</p>		
Berapa lamakah kami akan menyimpan data?	<ul style="list-style-type: none"> Rakaman temu bual dan data peribadi yang berkaitan (cth., butiran hubungan dan data peribadi dalam transkrip temu bual) akan dipadam dalam masa satu (1) tahun selepas tarikh temu bual. 		
5.6.3. Apabila kami menjalankan penyelidikan pengalaman pengguna			
Apakah data peribadi yang kami kumpulkan?	Kami mengumpulkan data peribadi seperti nama dan nama keluarga, e-mel, nama syarikat dan peranan pekerjaan. Kami mungkin merakam dan mentranskrip temu bual yang kami jalankan.		
Bagaimakah kami mengumpulkan data?	<ul style="list-style-type: none"> Kami mengumpulkan nama dan nama keluarga dan butiran hubungan (alamat e-mel) anda daripada pangkalan data kami jika anda atau organisasi anda merupakan pelanggan kami, untuk menjemput anda menjadi sebahagian daripada hab penyelidikan kami. Jika anda sudah mendaftar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti penyelidikan dengan penyedia pihak ketiga, kami mungkin mengumpulkan jenis data yang sama daripada mereka untuk menjemput anda Jika anda memohon untuk menjadi sebahagian daripada hab penyelidikan kami dan mengambil bahagian dalam penyelidikan kami, kami akan mengumpulkan data peribadi secara langsung daripada anda melalui penyedia pihak ketiga yang akan memproses data bagi pihak kami. Kami mengumpulkan apa-apa maklumat lanjut (cth., maklum balas anda tentang produk kami) secara langsung daripada anda sebagai sebahagian daripada penyelidikan. 		
Mengapakah kami mengumpulkan data, di bawah asas undang-undang yang mana dan bagaimakah kami akan menggunakan data?	<p>Kami mengumpulkan dan menggunakan data untuk:</p> <table border="1"> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> Menjemput anda menjadi sebahagian daripada hab penyelidikan kami. </td> <td> <p>Apabila kami menjemput anda (pelanggan atau kenalan perniagaan kami) untuk menjadi sebahagian daripada hab penyelidikan kami, kami akan menghantar e-mel dengan pautan kepada anda untuk membuat permohonan. Untuk aktiviti ini, kami bergantung pada kepentingan sah kami untuk menambah baik produk dan Perkhidmatan kami. Kami hanya akan</p> </td> </tr> </table>	<ul style="list-style-type: none"> Menjemput anda menjadi sebahagian daripada hab penyelidikan kami. 	<p>Apabila kami menjemput anda (pelanggan atau kenalan perniagaan kami) untuk menjadi sebahagian daripada hab penyelidikan kami, kami akan menghantar e-mel dengan pautan kepada anda untuk membuat permohonan. Untuk aktiviti ini, kami bergantung pada kepentingan sah kami untuk menambah baik produk dan Perkhidmatan kami. Kami hanya akan</p>
<ul style="list-style-type: none"> Menjemput anda menjadi sebahagian daripada hab penyelidikan kami. 	<p>Apabila kami menjemput anda (pelanggan atau kenalan perniagaan kami) untuk menjadi sebahagian daripada hab penyelidikan kami, kami akan menghantar e-mel dengan pautan kepada anda untuk membuat permohonan. Untuk aktiviti ini, kami bergantung pada kepentingan sah kami untuk menambah baik produk dan Perkhidmatan kami. Kami hanya akan</p>		



		<p>menghubungi anda tentang penyelidikan berkaitan dengan produk atau Perkhidmatan yang pernah atau telah anda gunakan.</p> <p>Apabila anda memohon kepada penyedia pihak ketiga untuk mengambil bahagian dalam aktiviti penyelidikan, kami mungkin menghubungi anda untuk menjadi sebahagian daripada hab penyelidikan kami dan mengambil bahagian dalam penyelidikan pengalaman pengguna kami melalui platform penyedia pihak ketiga. Kami akan bergantung pada persetujuan anda atau kontrak untuk data peribadi yang dikumpulkan dan diproses, bergantung pada keadaan.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan aktiviti penyelidikan pengalaman pengguna dan mendapatkan maklum balas anda untuk menambah baik produk dan Perkhidmatan kami. 	<p>Penyertaan anda adalah bersifat sukarela sepenuhnya. Jika anda berputus untuk menjadi sebahagian daripada hab penyelidikan kami atau mengambil bahagian dalam penyelidikan kami, kami akan bergantung pada persetujuan anda atau kontrak untuk data peribadi yang dikumpulkan dan diproses, bergantung pada keadaan.</p>
<p>Penyelidikan mungkin dirakam, dan kami akan mengambil nota berkenaan dengan komen dan tindakan anda. Hasil penyelidikan, rakaman dan nota hanya digunakan untuk menambah baik produk dan Perkhidmatan kami dan hanya akan dikongsi secara dalaman dengan pasukan reka bentuk dan pembangunan produk kami.</p>		
Berapa lamakah kami akan menyimpan data?	<ul style="list-style-type: none"> Rakaman temu bual dan data peribadi yang berkaitan (cth., butiran hubungan dan data peribadi dalam transkrip temu bual) akan dipadam dalam masa satu (1) tahun selepas tarikh temu bual. 	
<h3>5.7. Apabila anda melawat laman web kami</h3>		
Apakah data peribadi yang kami kumpulkan?	<p>Apabila anda melawat laman web kami, dengan meletakkan kuki, kami mungkin mengumpulkan alamat IP anda, jenis pelayar anda dan maklumat berkaitan, halaman yang telah anda lawati, dan tertib lawatan anda, serta sama ada anda merupakan pelawat baharu atau berulang.</p>	
Bagaimanakah kami mengumpulkan data?	<ul style="list-style-type: none"> Secara langsung daripada anda apabila anda melayari laman web kami dengan meletakkan kuki pada pelayar anda. Kuki sama ada diletakkan secara automatik (kuki keperluan) atau hanya selepas anda memberikan persetujuan kepada kuki (kuki fungsi, analitik dan pengiklanan). Sila semak Dasar Kuki kami untuk mendapatkan maklumat lanjut. 	
Mengapakah kami mengumpulkan data, di bawah asas undang-undang yang	<p>Kami mengumpulkan dan menggunakan data ini untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyelenggara dan menambah baik laman web dan keseluruhan perniagaan kami. 	



mana dan bagaimanakah kami akan menggunakan data?	Apabila berbuat demikian, kami bergantung sama ada pada kepentingan sah kami bagi memastikan kefungsian laman web (untuk kuki keperluan) atau pada persetujuan anda (untuk kuki fungsi, analitik dan pengiklanan). Sila semak Dasar Kuki untuk mendapatkan maklumat lanjutan tentang cara anda boleh menguruskan persetujuan kuki anda (termasuk penarikan balik).
